

Malaysia tidak campur tangan

PEKAN 7 Okt. - Malaysia tidak boleh campur tangan dalam sebarang isu dan konflik khususnya di selatan negara jiran Thailand, walaupun ada usaha pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) negara ini mengatur pertemuan serta rundingan antara pemerintah dan kumpulan Islam di negara terbabit.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, namun demikian, kerajaan akan mempertimbangkan sekiranya diundang oleh negara terbabit bagi menyelesaikan masalah dan konflik berkenaan.

"Jadi dari segi kerajaan, kita tidak boleh campur tangan dalam sebarang hal yang berlaku di dalam sebuah negara jiran kita, melainkan kerajaan diundang oleh kerajaan Thailand," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Zakat daripada Bank Rakyat sebanyak RM250,000 kepada hampir 1,000 penerima termasuk ibu tunggal dan anak yatim di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Semalam, akhbar *The Nation* di Bangkok dipetik sebagai melaporkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad secara senyap membantu mengatur sekurang-kurangnya dua pertemuan antara para pegawai Thailand termasuk beberapa jeneral tentera dengan kumpulan-kumpulan Islam di Langkawi.

Kata sepakat

Menurut akhbar itu yang memetik sumber kerajaan dan kumpulan Islam pada Khamis lalu memberitahu, bagaimanapun, hasil pertemuan itu gagal mencapai kata sepakat.

Seorang pegawai kanan keselamatan negara itu dan seorang bekas pemimpin Melayu terkemuka yang menjadi buangan di selatan negara itu memainkan peranan untuk menggerakkan pertemuan itu dengan yang terakhir diadakan kira-kira tiga bulan lalu.

Ditanya usaha Dr. Mahathir yang juga pengasas Yayasan Kepimpinan Perdana itu, kata beliau, ia merupakan satu inisiatif yang dilakukan oleh pihak yayasan.

"Ini satu usaha atas nama sebuah NGO untuk mencari penyelesaian dalam konflik di selatan Thai.

"Usaha yang dilakukan oleh NGO negara ini untuk menggalakkan semua dialog dan penyelesaian dibuat menerusi rundingan antara kedua-dua pihak yang terbabit," katanya.

Bagaimanapun Najib berkata, terpujanglah kepada kerajaan Thailand untuk menentukan pendirian mereka di atas usaha-usaha seperti yang dilakukan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana.

"Kita sedia maklum pada waktu kerajaan (Thaksin) dulu, rundingan dengan kumpulan-kumpulan Islam di selatan Thailand agak sukar dilakukan, tetapi pimpinan atau kerajaan baru di negara itu nampaknya lebih mirip kepada mengadakan rundingan dengan kumpulan tersebut," katanya.